

How to cite this article:

Jamaludin, M., Noor Azniza, I., Siti Rozaina, K., & Nabisah, I. (2019). Pencapaian perlaksanaan program ODP di Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 22, 33-49.

Pencapaian Perlaksanaan Program ODP di Malaysia

(*Achievement ODP Program Implementation in Malaysia*)

JAMALUDIN MUSTAFFA, NOOR AZNIZA ISHAK,

SITI ROZAINA KAMSANI & NABISAH IBRAHIM

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial,

Universiti Utara Malaysia

jam@uum.edu.my

Abstrak

Pelbagai pendekatan telah dilakukan oleh Jabatan Penjara Malaysia sebagai institusi bertanggungjawab secara khusus dalam pemulihan banduan untuk membantu dalam membina kembali diri mereka agar dapat berperanan semula dalam masyarakat sama ada sebagai isteri, ibu, anak perempuan, kakak, pekerja, dan lain-lain. Antara pendekatan diperkenalkan oleh Jabatan Penjara iaitu Sistem Parol yang memainkan peranan penting dalam memastikan banduan yang dibebaskan secara Parol dapat kembali kepada masyarakat sebagai seseorang yang berguna kepada negara dan mematuhi undang-undang yang sedia ada. Oleh itu artikel akan membincangkan mengenai sejauhmanakah pencapaian perlaksanaan program Orang Diparol (ODP) yang dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia khususnya di Bahagian Parol dan Perkhidmatan Komuniti berdasarkan kepada kajian yang dilakukan terhadap Pegawai Penjara (40 orang sampel) di bahagian tersebut. Hasil kajian menunjukkan tahap keberkesanan perlaksanaan Program ODP amat memberi kesan yang positif kepada ODP. Namun walaupun berkesan terdapat juga kelemahan-kelemahan dan cabaran-cabarannya dalam perlaksanaan program ODP menurut responden. Oleh itu, pihak penjara perlulah sentiasa membuat penambahbaikan Sistem Parol dari masa ke semasa agar terus relevan dengan perubahan zaman supaya menjadi lebih komprehensif dan efesien.

Kata kunci: *Program ODP, sistem Parol, pencapaian.*

Abstract

Various approaches have been taken by the Malaysian Prisons Department as an institution specifically responsible for the rehabilitation of prisoners to assist in rebuilding themselves so that they can play a role again in society whether as wives, mothers, daughters, sisters, employees, and others. Among the approaches introduced by the Prisons Department is the Parole System which plays an important role in ensuring that prisoners released by Parole can return to society as someone who is useful to the country and complies with existing laws. Therefore, the article will discuss the extent to which the implementation of the implementation of the ODP program implemented by the Malaysian Prisons Department, especially in the Parole and Community Services Division based on the study conducted on Prison Officers (40 people sample) in that division. The results show that the level of effectiveness of the implementation of the ODP Program has a very positive impact on the ODP. However, although effective, there are also weaknesses and challenges in the implementation of the ODP program according to the respondents. Therefore, the prison must constantly make improvements to the Parole System from time to time in order to remain relevant to the changing times to be more comprehensive and efficient.

Keywords: ODP program, parole system, achievement.

Pengenalan

Jabatan Penjara Malaysia merupakan sebuah entiti koreksional yang memainkan peranan sebagai institusi penahanan dan pemulihan bagi pesalah/penjenayah yang diperintah oleh undang-undang negara menjalani penahanan dan pemulihan untuk jangka waktu yang ditetapkan oleh mahkamah. Jabatan Penjara Malaysia adalah institusi terakhir dalam perlaksanaan “*Criminal Justice System*” negara.

Objektif Jabatan pula bagi memastikan (i) Penghuni menjalani tempoh penahanan sehingga dibebaskan; (ii) Memastikan keselamatan penghuni, staf dan orang awam terjamin; (iii) Memastikan penghuni diberi layanan berlandaskan nilai-nilai kemanusiaan; dan (iv) Memastikan program pemulihan ke atas penghuni dilaksanakan dengan berkesan.

Pelbagai pendekatan telah dilakukan oleh Jabatan Penjara Malaysia sebagai institusi bertanggungjawab secara khusus dalam pemulihan banduan untuk membantu dalam membina kembali diri mereka agar dapat berperanan semula dalam masyarakat sama ada sebagai isteri, ibu, anak perempuan,

kakak, pekerja, dan lain-lain. Sebaliknya, jika mereka tiada peluang untuk berada semula di dalam masyarakat disebabkan kekangan hukuman seperti hukuman gantung sampai mati atau hukuman penjara seumur hidup, sekurang-kurangnya mereka berpeluang untuk kembali ke pangkal jalan dan menghabiskan ruang dan masa yang ada dengan melakukan perkara-perkara kebaikan bagi memenuhi tuntutan fitrah mereka (Siti Jamiaah, 2017).

Dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya sebagai sebuah institusi penahanan dan pemulihan, Jabatan Penjara Malaysia adalah tertakluk kepada akta dan peraturan yang telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia sebagai punca kuasanya. Akta dan peraturan-peraturan tersebutlah yang memberikan kuasa kepada Jabatan Penjara Malaysia untuk menahan seseorang sebagai penghuni penjara dan melaksanakan program-program pemulihan kepadanya secara sah. Akta Penjara (Pindaan) 2008 - Akta ini adalah pindaan pada Akta Penjara 1955 dan mula berkuatkuasa pada 30 Jun 2008. Dikenali juga sebagai Akta A1332, ia merupakan satu akta untuk menyatu dan meminda undang-undang berhubung dengan penjara, banduan, parol dan perkara-perkara yang berkaitan.

Dari pernyataan matlamat organisasi, jelas menunjukkan bahawa fungsi pemulihan adalah diutamakan. Umpamanya objektif Jabatan yang ke empat ialah “memastikan program pemulihan ke atas penghuni dilaksanakan dengan berkesan” manakala fungsi Jabatan yang ketiga pula ialah “melaksanakan program pemulihan ke atas penghuni melalui pelbagai pendekatan”. Ini dinyatakan lagi dengan jelas dalam piagam pelanggan Jabatan yang ke lima iaitu “menyediakan program pemulihan yang bersepadu kepada semua penghuni berdasarkan Pelan Pembangunan Insan, Jabatan Penjara Malaysia”. Begitu juga seperti mana yang terkandung dalam matlamat kerajaan menerusi GTP 2.0 memfokuskan penyediaan sokongan kepada penghuni penjara semasa mereka menjalani hukuman dan selepas dibebaskan (Parol). Hal ini bertujuan membantu mereka untuk memiliki keupayaan bagi memperoleh pekerjaan dan dengan demikian, sukar bagi mereka mengulangi kesalahan yang pernah dilakukan (NKRA, 2012).

Oleh itu artikel ini membincangkan mengenai sejauhanakah pencapaian perlaksanaan program ODP yang dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia khususnya di Bahagian Parol dan Perkhidmatan Komuniti setakat hari ini berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan sebelum ini. Ianya amat penting kerana satu rentetan bagi mengemas kini data-data dan seterusnya dapat membantu merumuskan penambahbaikan strategi-strategi baru kepada pihak Jabatan Penjara Malaysia khususnya di Bahagian Parol dan Perkhidmatan Komuniti supaya lebih komprehensif dan efisyen pada masa akan datang.

Orang di Parol (ODP)

Orang yang diparol (ODP) membawa erti penghuni yang dipilih oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia dalam menjalani baki hukuman di luar penjara kerana disebabkan kelakuan baik mereka sewaktu menjalani hukuman di dalam penjara. Mereka ini diawasi oleh Pegawai Parol berdasarkan Akta Penjara 1995 (Fauziah et all. (2016).

Latar Belakang Sistem Parol di Malaysia

Selepas kemerdekaan Malaysia 60 tahun lalu, Jabatan Penjara Malaysia semakin berkembang dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang pemulihan. Ini kerana Jabatan tersebut menyedari bahawa kemasukan pesalah residivism boleh dikurangkan dengan menggunakan pelbagai pendekatan yang efektif dan efisyen. Antara pendekatan yang digunakan memperkenalkan program Pelan Pembangunan Insan (PPI) yang merupakan satu mekanisma ke arah memuliharkan pesalah secara total. Rentetan daripada pengenalan program tersebut satu lagi program untuk memulihkan diperkenalkan oleh Jabatan Penjara iaitu Sistem Parol. Jika dulu, peranan dan tanggungjawab kakitangan penjara hanya berfungsi untuk memastikan kawalan dan keselamatan ke atas banduan yang dipenjarakan sahaja sehingga dibebaskan. Namun kini sejak pengenalan Sistem Parol ianya memainkan peranan penting dalam memastikan banduan yang dibebaskan secara Parol dapat kembali kepada masyarakat sebagai seseorang yang berguna kepada negara dan mematuhi undang-undang yang sedia ada (Jabatan Penjara Malaysia, 2017).

Sistem Parol merupakan satu sistem pelepasan secara Perintah Parol di mana penghuni yang layak boleh memohon dilepaskan bagi menjalani baki hukuman di luar penjara. Ianya bertujuan untuk membuka peluang kedua bagi penghuni penjara memulakan hidup baharu bersama keluarga serta masyarakat. Sistem ini telah dilaksanakan berdasarkan kepada pindaan Akta Penjara 1995 pada tahun 2008 yang dikuatkuasakan pada 30 Jun 2008. (Astro Awani, 2017). Pelepasan secara Perintah Parol yang pertama adalah seramai 64 orang banduan pada 26 Julai 2008. Berdasarkan statistik terkini, seramai 16,500 banduan yang kebanyakannya belia selesai menjalani Sistem Parol dan sejak perlaksanaannya, sebanyak 26,000 permohonan telah dipertimbangkan untuk menjalani sistem ini. Pencapaian sistem ini baik apabila sebanyak 99 peratus daripada Orang Diparol (ODP) memperoleh pekerjaan manakala kadar residivis (berulang melakukan jenayah) ODP adalah di bawah 0.51 peratus.

Ulasan Karya

Pada masa ini pendekatan bimbingan melalui pendidikan akademik, vokasional dan program berdasarkan psikologi lebih diguna pakai di kebanyakan institusi penjara di dunia dalam memberi pemulihan kepada banduan berbanding dengan pendekatan berorientasikan penyeksaan melalui pelbagai hukuman. Banduan yang layak akan dibebaskan dan sebahagian hukumannya akan dihabiskan di bawah sistem parol (Zaiton & Rafizah, 2011). Walaupun program sistem ini dikatakan telah banyak mengubah kehidupan banduan, namun terdapat juga pelbagai kelemahan dan cabaran yang dihadapi oleh pegawai parol dalam memantau dan memulihkan banduan serta melindungi keselamatan komuniti (Petersilia, 2003).

Selaras sedekad perlaksanaan Sistem Parol di Malaysia yang pernah menjadi kebimbangan ramai sebelum dilaksanakan dahulu, ia semakin menampakkan kejayaan dalam melengkapkan program pemulihan di Jabatan Penjara. Jumlah residivis atau kemasukan berulang tidak sampai 1 peratus atau lebih tepat 0.48 peratus tentunya menjadi indikator kepada kejayaan sistem ini. Peratusan paling rendah di dunia itu jauh lebih baik berbanding negara luar seperti Australia dan Kanada yang mencatatkan residivis sekitar 20 peratus walaupun berpengalaman antara 50 hingga 60 tahun melaksanakan sistem yang sama. Malah, peratusan itu juga masih rendah jika dibandingkan dengan banduan yang tidak melalui sistem parol yang mencatatkan 9 peratus residivis (Bernama, 2018).

Kajian yang dilakukan oleh Jabatan Penjara bersama Universiti Sains Malaysia (2017) yang bertujuan untuk melihat keberkesanan Sistem Parol dan program pemulihan yang dijalankan di Jabatan Penjara menunjukkan indeks keberkesanan Sistem Parol adalah tinggi dengan sikap pegawai parol, sokongan masyarakat serta sikap ODP memberi kesan positif terhadap keberkesanannya. Khairul Hamimah, Mohd Fauzi dan Hadenan (2012) telah mengkaji penerapan nilai-nilai Islam dalam program pemulihan banduan wanita serta analisis kepada Program Terapi Komuniti (*Therapy Community*) atau lebih dikenali sebagai TC yang terdapat dalam Modul Pelan Pembangunan Insan (PPI) di Fasa 2 yang dilaksanakan selama 6 bulan. Hasil kajian mendapat terdapatnya penerapan sebelas tonggak nilai-nilai Islam tersebut dalam program pemulihan yang dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia (JPM) terhadap banduan wanita. Kajian juga mendapat program ini berupaya membentuk sikap penghuni yang komited untuk berubah, bersungguh-sungguh, rajin dan mempunyai matlamat yang jelas apabila dibebaskan kelak. Transformasi sikap mampu membentuk suasana hidup yang lebih bertanggungjawab dalam menjalani kehidupan seharian bagi banduan wanita selepas dibebaskan kelak.

Manakala Johnson dan rakan-rakan (2000) berpendapat bagi memastikan proses pemulihan dan pengawasan parol dapat dilaksanakan dengan jayanya, maka pengetahuan agama dalam kalangan banduan perlu diutamakan bagi mengelak mereka daripada terjebak semula melakukan kesalahan yang sama. Johnson dan rakan-rakan (2000) juga menyatakan bekas banduan yang mempunyai kepatuhan yang tinggi kepada agama merupakan individu yang kurang terdedah melakukan aktiviti jenayah kepada masyarakat. Justeru itu daptan daripada kajian ini juga menunjukkan bahawa faktor keagamaan merupakan aspek penting dalam proses pemulihan yang melibatkan pesalah banduan di penjara.

Dari segi kelemahan tentang program di Parol, kajian yang dijalankan oleh Khairul Hamimah, Mohd Fauzi dan Hadenan (2012) mendapati kelemahan di kalangan penghuni Parol untuk berubah disebabkan masalah kurang daya tahan dalam menghadapi desakan hidup atau mudah dipengaruhi oleh rakan-rakan dikenal pasti menjadi antara faktor menyumbang kepada mengapa mereka tidak berubah dan terlibat kembali kepada jenayah. Di samping itu, pandangan serong serta pelbagai tohmahan masyarakat terhadap bekas banduan adakalanya menjadi faktor penyumbang kepada kegagalan golongan tersebut untuk kembali menjalani hidup sebagai individu yang bebas. Menurut Khairul Hamimah, Mohd Fauzi dan Hadenan (2012) tersepit dengan situasi tersebut dan cabaran hidup di luar yang sukar ditangani menyebabkan ada antara mereka kembali kepada cara hidup lama yang menghumban semula mereka ke penjara buat kali seterusnya.

Sesuatu program dan pengawasan juga menghadapi cabaran yang amat getir. Sepertimana kajian yang dilakukan oleh Mahmood dan rakan-rakan (2003) mendapati kebanyakan program yang dilakukan di peringkat ADK negeri kebanyakannya tidak berjalan dengan lancar dan kurang berjaya disebabkan kekurangan kakitangan. Oleh itu beliau mencadangkan supaya pendekatan dalam program berkaitan pemulihan perlu diteliti sepenuhnya supaya dapat menghasilkan *output* lebih berkesan. Di samping itu pembahagian tugas perlulah dikendalikan oleh mereka yang berpengalaman dan biasa menghadapi masalah yang sama.

Menurut Mahmood (2006), antara cabaran yang dihadapi oleh pegawai penjara apabila menghadapi situasi berkaitan pemulihan penghuni adalah disebabkan bebanan kerja yang menjadikan pengurusan penjara menjadi lebih kompleks dan mencabar. Ini kerana kekurangan kakitangan menyebabkan mereka terpaksa memikul beban tugas tambahan. Bertugas dalam bidang penjara dan pemulihan boleh menjadi sangat mencabar dan memberi tekanan kepada pegawai penjara memandangkan ianya berurusan dengan isu-isu yang biasanya tidak ditemui dalam pekerjaan lain (Delprino 2002). Antara isu-isu yang menimbulkan permasalahan kepada pegawai penjara adalah kerja syif,

kekurangan kakitangan, ancaman atau serangan dari banduan. Selain itu, pegawai penjara memainkan peranan yang amat berpengaruh dalam kehidupan ramai penghuni penjara memandangkan interaksi secara langsung yang terjalin di antara pegawai penjara dengan banduan (Farkas 2009).

Dalam memastikan cabaran dan kelemahan memulihkan banduan dapat diatasi Trice dan Roman (1970) mencadangkan supaya proses memulihkan banduan adalah dengan menekankan konsep kendiri. Konsep kendiri yang positif perlu terutama dalam proses pencegahan dan pemulihan. Ini kerana, hanya individu yang sedar bahawa dirinya memiliki kekurangan atau keburukan sahaja yang berpotensi membaiki dan membangunkan dirinya berbanding mereka yang tidak sedar akan keburukan atau kelemahan diri.

Selain itu, membantu dalam memberikan nilai tambah khususnya kemahiran psikologi kepada kakitangan Jabatan Penjara dan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) adalah salah satu faktor bagi memperbaiki program ODP khususnya dalam aspek kemahiran kaunseling dan psikologi. Menurut Mantan Dekan, Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Prof. Madya Dr. Noor Azniza Ishak, sebarang usaha bagi memberi nilai tambah kepada pegawai kakitangan seharusnya disokong semua pihak berkepentingan. Kerana ianya sebahagian daripada usaha berterusan jabatan untuk meningkatkan tahap profesional pegawai dan kakitangan berkaitan. Di samping itu kepelbagaiannya modul turut dirangka bagi meningkatkan kemahiran kaunseling dan *thinking skill* dalam kalangan pegawai JKM dan juga Pegawai Parol Jabatan Penjara Malaysia.

Aspek lain yang perlu diberikan perhatian ialah kesepadan semua aspek bagi menjayakan program pemulihan yang disusun dan dilaksanakan oleh institusi pemulihan atau penjara. Hal ini khususnya bagi memastikan pemulihan diri pesalah berkenaan berkekalan sifatnya. Selain itu, hukuman alternatif bagi pemenjaraan juga wajar diberikan pertimbangan berat dengan mengambil kira kesan buruk daripada hukuman tersebut terhadap banduan dan anggota keluarga mereka. Proses pemulihan pesalah atau banduan juga turut memerlukan penglibatan masyarakat umum bagi membolehkan mereka memainkan peranan dengan sewajarnya.

Menurut Wan Roslili dan Najibah (2014) tanggungjawab menangani masalah konflik adalah antara tanggung jawab bagi mendisiplinkan pelatih. Justeru itu pihak institusi harus melantik kaunselor yang pakar dalam psikologi dan tetap untuk memberi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelatih secara khusus. Dalam pada itu pihak yang berkaitan boleh juga mengadakan kursus bagi kaunselor jabatan untuk mendalami pengetahuan dalam bidang psikologi kanak-kanak. Bilangan kaunselor yang bertugas juga mestilah bersesuaian dengan jumlah pelatih di institusi tersebut.

Fauziah dan rakan-rakan (2016) pula menyatakan pihak berkepentingan adalah disarankan untuk mencari pendekatan dan strategi yang lebih berkesan untuk membantu meningkatkan tahap pengetahuan agama dalam kalangan banduan parol. Kajian yang dilakukan mendapat tahap pengetahuan agama dalam kalangan banduan parol menunjukkan keputusan yang membimbangkan dan sekiranya tidak ditangani mampu memberikan implikasi yang kurang baik ke atas proses pemulihan banduan. Keperluan memperkasakan modul kerohanian dalam kalangan banduan parol amat diperlukan supaya mereka lebih menjawi dan dapat mengaplikasikan ilmu keagamaan dalam meneruskan kehidupan seharian (Fauziah et al., 2016). Justeru itu, adalah disarankan supaya modul kerohanian keagamaan dijadikan sebagai modul teras dalam program pengawasan parol. Ia bertujuan untuk memberi kesedaran dan keinsafan yang tinggi dalam kalangan banduan parol agar mereka dapat membina kekuatan diri dan peribadi. Modul keagamaan ini perlu dipertingkatkan dengan memberi penekanan dan pendedahan secara konsisten tentang hukum dari aspek keagamaan bagi mereka yang melakukan perkara-perkara yang menyalahi peraturan dan bertentangan dengan nilai-nilai agama.

Dalam pada itu juga tahap keprofesionalisme pegawai pemulihan dan kaunselor dadah perlu dipertingkatkan ke peringkat sarjana muda atau sarjana dengan kemahiran khusus dalam perkhidmatan kaunseling. Mereka juga akan dapat mempunyai tahap kepekaan yang tinggi dengan perkembangan ilmu yang berkaitan dengan tugas. Hal ini kerana intervensi dalam mendokumentasikan dengan tepat propensiti dan motivasi mereka untuk pulih dan bebas dari dadah adalah unsur penting bagi menyatakan peratusan keberkesanannya terapi dengan sahih dan membolehkan perancangan susulan yang tepat. Jika keadaan ini dapat dilakukan secara terbaik maka perbelanjaan negara dapat dimanfaatkan sebaik mungkin.

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kumpulan fokus yang menggunakan kaedah temu bual berstruktur. Populasi responden dalam kajian ini terdiri dalam kalangan Pegawai Penjara. Bilangan responden yang menjadi sampel dalam kajian ini adalah sebanyak 40 orang yang ketika itu sedang mengikuti latihan intervensi yang dijalankan oleh pihak UUM. Instrumen kajian ini meliputi tahap pencapaian, kelemahan dan cabaran dalam melaksanakan Program ODP. Penganalisisan kajian ini menggunakan program perisian Nvivo 10. Penggunaan perisian ini bertujuan untuk memperolehi gambaran keseluruhan kajian mengenai isu dan tema berdasarkan analisis secara kualitatif. Seperti mana yang dicadangkan oleh Miles dan Huberman (1994), pembentukan


kategori penting dalam pendekatan kualitatif bagi memperhalusi data sehingga kategori-kategori tertentu dapat menggambarkan keadaan sebenar yang berlaku dalam kes yang dikaji dan seterusnya diperincikan berdasarkan hasil dapatan kajian kualitatif.

Dapatan Kajian

Tahap Keberkesanan Perlaksanaan Program ODP

Hasil kajian di Rajah 1 mengenai tahap keberkesanan perlaksanaan Program ODP menunjukkan kebanyakan responden iaitu sebanyak 29 orang responden dalam kalangan Pegawai Penjara menyatakan program ini amat memberi kesan yang positif kepada ODP. Berdasarkan kepada analisis *tree nodes* menunjukkan faktor utama yang menyebabkan perlaksanaan Program ODP ini berkesan kerana program ini telah membina hubungan dan sokongan dengan keluarga dan masyarakat serta majikan di mana sebanyak lapan orang responden menyatakan sedemikian. Faktor kedua, program ini berkesan kerana telah membina sahsiah diri serta memastikan ODP berada di landasan sebenar di mana sebanyak tujuh orang responden menyatakan sedemikian. Manakala faktor ketiga utama adalah disebabkan program ini telah memantau dan membimbing ODP sehingga kehidupan mereka terkawal dan berubah serta memenuhi pelbagai aspek di mana banyak empat orang responden menyatakan sedemikian. Faktor-faktor lain program ini berkesan kerana program ini telah banyak mendisiplinkan ODP (tiga orang responden), menyedarkan ODP tidak langgar perintah (tiga orang responden), ODP merasakan dihargai dan diberi perhatian dengan ada pemantauan (tiga orang responden), mudah mendekati dan memahami ODP (dua orang responden), lawatan dilakukan secara kerap (dua orang responden) dan telah mendapat kerjasama dari semua kakitangan (seorang responden).

Dapatan kajian juga menunjukkan sebanyak 12 orang responden menyatakan program ODP ini kurang berkesan. Sebab musabab kerana yang pertama adalah kekurangan anggota dan kenderaan menyebabkan ODP sukar dikawal di mana sebanyak empat orang responden menyatakan sedemikian. Kedua, kerana kurangnya ilmu pengetahuan dan kemahiran pemantauan dalam kalangan Pegawai Parol serta ODP masih terlibat dalam penyalahgunaan dadah di mana sebanyak dua orang responden menyatakan sedemikian bagi setiap kategori masing-masing. Selebihnya menyatakan bebanan tugas (seorang responden), keadaan geografi (seorang responden) dan kaerah kini banyak membazirkan kewangan (seorang responden). Hanya seorang sahaja responden menyatakan tidak pasti sama ada program ini memberi keberkesanan atau sebaiknya.



Rajah 1 Tahap Keberkesanan Perlaksanaan Program ODP.

Kelemahan Perlaksanaan Program ODP

Secara purata keseluruhannya, hasil kajian di Rajah 2 menunjukkan kebanyakannya iaitu sebanyak 32 orang Pegawai Penjara menyatakan terdapat banyak kelemahan dalam perlaksanaan Program ODP. Hanya empat orang Pegawai Penjara menyatakan tidak ada kelemahan dan tidak pasti sama ada terdapat kelemahan atau tidak dalam perlaksanaan Program ODP.

Bagi responden yang menyatakan ada kelemahan, hasil analisis tree nodes menunjukkan terdapat sembilan kelemahan yang terdapat dalam perlaksanaan Program ODP. Pertama iaitu kelemahan menyebabkan perlaksanaan Program ODP kurang berjaya kerana kekurangan dari segi logistik seperti kendaraan. Menurut responden ini menyukarkan pergerakan mereka dalam mengawasi ODP. Selain itu masalah kenderaan lama menyebabkan banyak berlaku kerosakan teknikal dan akhirnya menyebabkan banyak kerja yang tertangguh.

Kelemahan kedua ketidakberkesanan program ini kerana masalah kakitangan tiada ilmu pengetahuan. Antaranya seperti anggota tiada

pengetahuan mengenai intervensi. Selain itu kebanyakan anggota tiada ilmu pengetahuan mengenai asas kaunseling. Hal ini kerana Pegawai Parol bukan kaunselor berdaftar. Menurut responden ini lagi, dari tidak ada anggota yang mahir dari segi kemahiran dalam menilai kelakuan peribadi diri banduan semasa menjalani perintah Parol. Kelemahan ketiga dalam perlaksanaan program ini disebabkan masalah geografi iaitu kawasan sempadan yang luas. Ini menyebabkan jumlah ODP di sesuatu kawasan terlalu ramai. Hal ini menyukarkan anggota untuk mengawal dan mengawasi mereka.


Kelemahan keempat adalah disebabkan masalah dari segi bebanan tugas. Hal ini kerana anggota menyatakan tugas pemantauan bercampur dengan tugas lawatan pra pelepasan dan penyeliaan di samping itu mereka menghadapi jumlah masa menyediakan laporan lebih banyak berbanding meneliti isu ODP.

Kelima adalah masalah dari segi ketiadaan kepelbagaiannya kaedah pemantauan yang lebih berstruktur menyebabkan program ini kurang berkesan. Menurut responden hal ini kerana borang atau format laporan nota kes kebanyakannya tidak menjurus kepada tahap pemulihan ODP di samping tiada kemampuan permantauan secara berkala serta ketiadaan alat pemantauan berkesan seperti GPS.

Selain itu antara kelemahan-kelemahan lain yang menyebabkan program ODP kurang berkesan disebabkan masalah kekurangan anggota dan peruntukan dalam menjalankan tugas menyebabkan banyak kekangan yang dihadapi. Di samping itu, masalah lain ialah masalah pihak daripada PDRM dan AADK membuat tangkapan ODP tanpa merujuk kepada pegawai Parol dan sikap segelintir pegawai yang tidak profesional serta masalah dari segi penerimaan ahli keluarga ODP, masyarakat serta agensi yang sentiasa memberi pandangan negatif terhadap ODP.

Cabaran Perlaksanaan Program ODP

Hasil kajian berdasarkan kepada analisis *tree nodes* (Lihat Rajah 3) menunjukkan majoriti pegawai iaitu sebanyak 35 orang pegawai secara puratanya menyatakan terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh mereka dalam perlaksanaan Program ODP. Hanya tiga orang pegawai menyatakan tidak menghadapi cabaran dan dua orang pegawai menyatakan tidak pasti sama ada atau sebaliknya mereka menghadapi cabaran dalam perlaksanaan program tersebut.



Rajah 2 Kelemahan Perlaksanaan Program ODP.

Analisis *tree nodes* menunjukkan sebanyak 12 cabaran yang dihadapi oleh pegawai dalam melaksanakan program itu. Antara cabaran yang dihadapi oleh pegawai iaitu;

1) Kekurangan kenderaan

Cabar dari segi logistik seperti kenderaan. Masalah kenderaan lama menyebabkan banyak berlaku kerosakan teknikal, kenderaan yang terhad dan akhirnya menyebabkan banyak kerja yang tertangguh.

2) Kekurangan anggota

Kekurangan anggota cabaran yang dihadapi oleh pegawai dalam melaksanakan program ini. Kekurangan anggota ditambah pula dengan bilangan ODP yang ramai menyukar mereka untuk melaksanakan tugas yang sempurna. Hal ini salah satu cabaran mengapa perlaksanaan program ODP ini kurang berkesan.

3) Ancaman keselamatan

Pegawai menghadapi cabaran dari segi ancaman keselamatan dalam pelbagai aspek sehinggakan boleh menyebabkan nyawa mereka terancam.

4) Faktor geografi

Masalah geografi iaitu kawasan sempadan yang luas. Ini menyebabkan jumlah ODP di sesuatu kawasan terlalu ramai. Hal ini menyukarkan anggota untuk mengawal dan mengawasi mereka.

5) Stigma masyarakat

Cabar dari segi penerimaan ahli keluarga ODP, masyarakat serta agensi yang sentiasa memberi pandangan negatif terhadap ODP. Ini yang menyebabkan program ini kurang berkesan.

6) Bebanan tugas

Cabar dari segi bebanan tugas yang bertambah. Hal ini kerana anggota menyatakan tugasan pemantauan bercampur dengan tugasan lawatan pra pelepasan dan penyeliaan di samping itu mereka menghadapi jumlah masa menyediakan laporan lebih banyak berbanding meneliti isu ODP.

7) Pihak PDRM dan ADDK tidak bekerjasama

Cabar daripada PDRM dan AADK yang membuat tangkapan ODP tanpa merujuk kepada pegawai Parol.

8) ODP kembali terlibat jenayah

Cabar ini sering berlaku menurut responden. Ini kerana ODP berjumpa dengan kenalan lama mereka menyebabkan mereka kembali terlibat dengan jenayah.

9) KPI menjadi keutamaan

Program ini lebih memberikan kepada KPI namun dari segi keberkesanan sistem tersebut kurang diberi penekanan seperti proses penambahan dalam memberi keberkesanan program tersebut.

10) Kekangan kewangan


Masalah kewangan juga salah satu cabaran mengapa program ini kurang berjaya. Menurut responden, tugas yang diberikan memenuhi kehendak sahaja kerana kewangan terhad dalam melaksanakan program tersebut berjaya

11) Kawasan *Hotspot*

Kawasan yang menempatkan ODP di kawasan panas iaitu kawasan yang mempunyai statistik bilangan jenayah yang tinggi memberi cabaran kepada pegawai dalam mengawasi ODP dengan teliti.

12) Kesihatan pegawai diabaikan

Pegawai dan anggota tidak diberikan suntikan apabila berhadapan dengan ODP berpenyakit seperti TB dan HIV.



Rajah 3 Cabaran Perlaksanaan Program ODP.

Perbincangan

Hasil kajian mengenai tahap keberkesanan perlaksanaan Program ODP menunjukkan kebanyakan responden iaitu sebanyak 29 orang responden dalam kalangan Pegawai Penjara menyatakan program ini amat memberi kesan yang positif kepada ODP. Hal ini bertepatan dengan pernyataan daripada Pengarah Penjara Malaysia yang menyatakan selepas sedekad perlaksanaan Sistem Parol di Malaysia ia semakin menampakkan kejayaan dalam melengkapkan program pemulihan di Jabatan Penjara (Bernama, 2018). Ini kerana program tersebut berupaya membentuk sikap penghuni yang komited untuk berubah, bersungguh-sungguh, rajin dan mempunyai matlamat yang jelas apabila dibebaskan kelak. Kajian ini menyokong pendapat seperti mana pendapat Khairul Hamimah dan rakan-rakan (2012), program pemulihan yang dilakukan oleh pihak Penjara telah berjaya membentuk sikap penghuni yang komited untuk berubah. Transformasi sikap mampu membentuk suasana hidup yang lebih bertanggungjawab dalam menjalani kehidupan sehari-hari bagi penghuni selepas dibebaskan kelak.

Berdasarkan hasil kajian juga menunjukkan terdapat pelbagai kelemahan dan cabaran dalam perlaksanaan program ODP. Antaranya

berkaitan kekurangan kenderaan, kakitangan kurang ilmu pengetahuan, kawasan sempadan yang luas, bebanan tugas, ketiadaan kepelbagaian kaedah pemantauan yang lebih berstruktur, kekurangan anggota dan peruntukan dalam menjalankan tugas menyebabkan banyak kekangan yang dihadapi dan sikap segelintir pegawai yang tidak profesional serta masalah dari segi penerimaan ahli keluarga ODP, masyarakat serta agensi yang sentiasa memberi pandangan negatif terhadap ODP.

Oleh itu, berdasarkan kepada keseluruhan hasil kajian dapatlah dirumuskan bahawa sejak Program ODP dilaksanakan ianya telah banyak membawa perkara positif. Namun walaupun indeks menunjukkan positif, kelemahan-kelemahan yang sedia ada perlulah diperbaiki. Penambahbaikan Parol perlulah beterusan agar terus relevan dengan perubahan zaman dalam mengatasi kelemahan sedia ada.

Justeru itu, antara penambahbaikan yang perlu diberi tumpuan oleh Jabatan Penjara seperti berikut;

- a) Menambahkan bilangan anggota dalam program ODP
- b) Penekanan kepada persempadanan semula
- c) Penekanan kepada logistik seperti menyediakan kenderaan tambahan
- d) Pegawai parol perlu dibekalkan senjata
- e) Pihak Penjara perlu bekerjasama dengan agensi berkaitan
- f) *Review* permantauan perlu dijalankan 3 tahun sekali
- g) Memberi latihan dan peluang pegawai sambung pelajar
- h) Pertingkatkan hubungan ODP dengan keluarga ODP dan masyarakat
- i) Kaedah pemantauan kena pelbagai
- j) Alat teknologi dalam menjelaki dan menyusun penggerakan ODP
- k) *SOP* yang jelas
- l) Promosi berkaitan sistem parol di media
- m) Penubuhan sukarelawan parol di kampung
- n) Kaedah hukuman yang sesuai sekiranya ODP melanggar perintah parol
- o) Jabatan parol dan perkhidmatan komuniti bertapak sendiri seperti luar negara
- p) Peraturan kini tidak sesuai digunakan masa kini
- q) Arahan kerja seragam supaya tidak bercanggah di setiap daerah dan negeri
- r) Jawatan pegawai parol perlu dinaikkan gred 32 ke 44
- s) Menggunakan modul berteraskan Islamik
- t) Meletakkan Pegawai Psikologi
- u) Membina balai di kawasan awam

Penutup

Program Sistem Parol yang dipraktiskan sekarang adalah baik namun perlu dibuat penambahbaikan di peringkat teori dan praktis. Pemahaman dan penglibatan semua peringkat kakitangan amat diperlukan. Langkah ini bertujuan untuk menentukan Jabatan Penjara Malaysia akan menjadi institusi koreksional bertaraf dunia menjelang 2020. Komitmen yang menyeluruh dalam memikul tugas dan amanah ini perlu diterapkan kepada semua peringkat kakitangan supaya falsafah pemulihan dan dasar pemulihan itu difahami dan dapat dilaksanakan secara jujur dan berkesan. Seterusnya dapat melahirkan insan yang maju, produktif dan berakhhlak mulia. Oleh itu, pihak penjara perlulah sentiasa membuat penambahbaikan Sistem Parol dari masa ke semasa agar terus relevan dengan perubahan zaman.

Rujukan

- Astro Awani (2017). *Sistem parol buka peluang kedua buat banduan - KP Penjara*. Atas talian <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/sistem-parol-buka-peluang-kedua-buat-banduan-kp-penjara-139301>.
- Bernama (2018). *Sistem parol bagai peluang kedua banduan*. Atas talian <https://www.freemalaysiatoday.com/category/leisure/2018/04/01/sistem-parol-bagai-peluang-kedua-banduan/>.
- Delprino, R. P. (2002). *Work and family support services for correctional officers and their family members: A national survey*. USA: United States Department of Justice.
- Farkas, M. A. (2009). A typology of correctional officers. Dalam *Prisons and Jails: A Reader*, disunting oleh R. Tewksbury & D. Dabney. USA: Mc Graw Hill Higher Education.
- Fauziah Ibrahim et al. (2016). Entrepreneurship characteristics among the prisoners on parole: Towards the development of entrepreneurship skill management module by the Malaysia prison department. *Journal of Social Science and Humanities*. 11(1), 91-105.
- Gabr, M. (2000). *Program evaluation: A missing critical link in translator training*, <http://accurapid.com/journal/15training.htm>.
- Jabatan Perkhidmatan Awam (2017). PSYNNOVA. Atas talian http://www.jpa.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=2671:psynova-ibmt&catid=534&Itemid=850&lang=ms.
- Jabatan Penjara Malaysia (2017). *Latar belakang bahagian parol & perkhidmatan komuniti*. Atas talian <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/biru/parol#Fungsi>.
- Johnson, B., Spenser, D. L., David, B. L., & Micheal, M. (2000). A systematic review of the religiosity and delinquency literature. *Journal of Contemporary Criminal Justice*. 16(1), 32-52.

- Khairul Hamimah Mohammah Jodi, Mohd Fauzi Hamat & Hadenan Towpek (2012). Nilai-nilai Islam dalam program pemulihan banduanita di Penjara. *Jurnal Usuluddin*, 35, 99-116.
- Mahmood Nazar Mohamed (2001). *Pengantar psikologi: Satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2006). *Mencegah, merawat & memulihkan penagihan dadah: Beberapa pendekatan dan amalan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Petersilia, J. (2003). *When prisoners come home: Parole and prisoner reentry*. New York: Oxford University Press.
- Siti Jamiaah Abdul Jalil (2017). *Pengaruh program keagamaan dan sokongan sosial terhadap konsep kendiri, kebimbangan dan kemurungan: Kajian dalam kalangan banduan wanita di Malaysia*. PhD thesis. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Trice & Roman, P. (1970). Delabeling, rebaling and alcoholics anonymous. *Social Problems*, 17, 538-546.
- Wan Roslili Abd. Majid & Najibah Mohd Zain. (2014). Isu dalam penahanan dan pemulihan banduan di Malaysia. *Jurnal Kanun*, 27(1), 143-168.
- Zaiton Hamina & Rafizah Abu Hassan (2011). The roles and challenges of parole officers in reintegrating prisoners into the community under the parole system. *ASEAN Conference on Environment-Behaviour Studies*, Savoy Homann Bidakara Bandung Hotel, Bandung, Indonesia, 15-17 Jun.